

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

HMT 301 - Morfologi Bahasa Melayu

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGİ EMPAT [4] SOALAN DI DALAM
TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

- Tulis nombor 1 hingga 4 bahagian (a) atau (b) secara berurutan pada muka surat hadapan kertas jawapan.
- Tulisan mestilah mudah dibaca (tulisan yang sukar dibaca akan mengurangi markah jawapan).
- Semua jawapan mestilah ringkas, tepat dan jelas dengan menggunakan Bahasa Melayu Tinggi. Pengabaian syarat ini akan mempengaruhi markah keseluruhan.

1. SAMA ADA

- (a) Asmah Hj. Omar di dalam bukunya Nahu Melayu Mutakhir (1980) di dalam ciri alomorf mengatakan:

"Bagi alomorf lingkungan, saling menyisihkan dalam penyebarannya; misalnya mem- tidak boleh menggantikan meng- pada menggaji, mengaji atau mengkaji. Masing-masing mem- dan meng- mempunyai kawasan penyebaran tersendiri yang tidak boleh dimasuki oleh yang lain".

Sila kemukakan Imbuhan Dasar dan proses pengimbuhannya, bagi mengatasi masalah binaan perkataan: menggaji, mengaji, mengkaji di atas dan berikan huraiannya.

ATAU

- (b) Asmah Hj. Omar (1980) mengatakan bahawa:

... dalam penggunaan penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu menunjukkan bahawa ada penjodoh bilangan yang masih wajib digunakan dan ada yang sudah menjadi tidak wajib".

Kemukakan masing-masing lima [5] contoh Penjodoh Bilangan yang wajib dan lima [5] contoh yang tidak wajib di dalam Bahasa Melayu Tinggi dan berikan alasannya.

2. SAMA ADA

- (a) Nik Safiah Karim et.al. di dalam buku Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan (1989) mengatakan bahawa juru-, maha-, tata- merupakan awalan kata nama.

Sama ada anda setuju atau tidak, sila kemukakan data yang sesuai beserta penjelasannya.

ATAU

- (b) Menurut Nik Safiah Karim et.al. (1989):

"... perkataan mengenai berfungsi hanya sebagai kata kerja yang membawa maksud kena pada".

Sila kemukakan lima [5] contoh ayat yang di dalamnya terdapat perkataan mengenai yang tidak berfungsi sebagai kena pada.

3. SAMA ADA

- (a) Abdullah Hassan di dalam bukunya Penerbitan Kata Dalam Bahasa Malaysia (1986) mengatakan: "ia bukanlah bentuk klitik dari dia. Buktikan.

ATAU

- (b) Abdullah Hassan (1986) berpendapat:

"Proses penduaan konsonan berlaku apabila imbuhan -an dan -i digunakan selepas huruf konsonan. Konsonan akhir akta dasar itu akan diulang dan yang keduanya itu menjadi awal suku kata akhiran tersebut, misalnya pukul + an --> pukullan, pukul + i --> Fpukulli.

Unsur ulangan konsonan ini wujud dalam bentuk sebutan kata terbitan saja, tetapi tidaklah diberi lambang huruf dalam ejaan. Huraikan.

4. SAMA ADA

- (a) Apabila kita memerhatikan perkataan yang terdapat pada Batu Bersurat Kedukan Bukit (Palembang, 683 M) ditemui banyak sekali bahasa Sanskrit digunakan. Dengan bukti ini ramai ahli bahasa berpendapat bahawa pada masa tersebut bahasa Melayu telah dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit. Sila komen.

ATAU

- (b) Menurut Marsden, Kata Sendi sangat penting untuk membezakan makna, seperti: ke rumah, dari rumah, di luar rumah, di atas rumah, di rumah. Dengan contoh yang sesuai, perlihatkan lima [5] ayat yang mengabaikan Kata Sendi dan beri penjelasan mengenainya.